NO SOALAN :471

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG (WANGSA MAJU)

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG [WANGSA MAJU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang, tunggakan dan jenis hutang yang diambil oleh setiap Kerajaan Negeri dari tempoh 2005-2015.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Baki hutang belum selesai dan tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri dari tahun 2005 hingga 2015 adalah masing-masing sebanyak RM179,293.21 dan RM39,399.50. Kerajaan Persekutuan memberi pinjaman kepada Kerajaan Negeri bagi membiayai projek-projek kemudahan asas untuk meningkatkan taraf hidup rakyat antaranya termasuk Projek Bekalan Air dan Perumahan Awam Kos

Rendah.

NO. SOALAN: 472

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATO' DR. TAN KEE KWONG (WANGSA MAJU)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan berapakah kos dan jumlah keseluruhan bagi menampung perbelanjaan menyelenggara kapal selam KD Tun Razak dan KD Tunku Abdul Rahman sehingga akhir Disember 2015.

JAWAPAN:

Kos keseluruhan bagi menampung perbelanjaan menyelenggara kedua-dua kapal selam di bawah Kontrak *In Service Support* (ISS) sehingga akhir Disember 2015 adalah sebanyak Euro 185.549 juta dan RM 520.880 juta.

185

SOALAN: 473

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' DR. TAN KEE KWONG [WANGSA MAJU]

SOALAN :

YB Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah daftar pemilih pecahan mengikut Parlimen dan Dewan Undangan Negeri di seluruh Malaysia untuk tahun 2016.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat jumlah pemilih baru yang telah didaftarkan bagi tahun 2016 tidak dapat dikemukakan memandangkan urusan pendaftaran pemilih bagi tahun tersebut masih lagi dilaksanakan.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN: 474

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI]

SOALAN :

YB Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

(a) adakah biasiswa JPA akan ditarik balik sepenuhnya pada tahun 2017; dan

(b) adakah Kerajaan bercadang untuk meneruskan penghantaran 744 pelajar tajaan bursari JPA ke luar negara seperti yang telah dilakukan oleh MARA.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Program tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mula dilaksanakan sejak tahun 1950-an, yang mana telah mengalami evolusi dari segi mekanisme pelaksanaan dan bentuk penajaan mengikut keperluan dan keupayaan kewangan negara. Kerajaan tetap komited untuk meneruskan penajaan kepada pelajar sedia ada tajaan JPA di dalam dan luar negara. Jemaah Menteri yang bersidang pada 11 Mac 2016 telah bersetuju dengan program tajaan JPA mulai tahun 2016 dilaksanakan dalam bentuk Pinjaman Boleh Ubah, kecuali bagi Program Dermasiswa B40. Penajaan dalam bentuk Pinjaman Boleh Ubah adalah bagi penawaran baharu mulai tahun 2016, dan tidak melibatkan 49,060 pelajar tajaan sedia ada yang telah menandatangani Perjanjian Biasiswa Persekutuan. Penajaan pada tahun 2017 dijangka dilaksanakan sebagaimana pelaksanaan tahun 2016, selaras dengan Model Baharu Penajaan.

(b)

(c) Kerajaan menerusi pembentangan semakan Belanjawan 2016 yang diumumkan pada 28 Januari 2016, telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM160 juta bagi membiayai penawaran penajaan baharu tahun 2016 demi memastikan

kesinambungan pembangunan modal insan negara tidak terjejas. Peruntukan tersebut adalah termasuk bagi membiayai penajaan 744 pelajar Bursary bagi mengikuti pengajian Ijazah Pertama di Institusi Pengajian Tinggi Tempatan sahaja.

Sekian. Terima kasih.